

PERPUSTAKAAN KUi TTHO



3 0000 00077078 8

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS\*

JUDUL: MODUL PEMBELAJARAN KADAR KENDIRI PERISIAN LEMBARAN  
ELEKTRONIK (MS EXCEL) BAGI MATAPELAJARAN PENGENALAN  
KOMPUTER (PI04) UNTUK MENINGKATKAN KEMAHIRAN  
TEKNOLOGI MAKLUMAT DI KALANGAN PELAJAR DIPLOMA  
PERAKAUNAN POLITEKNIK.

SESI PENGAJIAN : 2002/2003

Saya SITI ZAKIAH BINTI ABU BAKAR

Mengaku membenarkan tesis (PSM/ Sarjana/ Doktor Falsafah)\* ini disimpan di Perpustakaan dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. \*\*Sila tandakan (✓)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh

(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:  
No. 76 Lorong 7B Taman Dato Harun  
Jalan Klang Lama 46000 Petaling Jaya  
Selangor

ENCIK ATAN HAJI HUSSIEN


Tarikh : 17 hb September 2002

Tarikh : 17 hb September 2002

- CATATAN:
- \* Potong yang tidak berkenaan.
  - \*\* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD
  - ♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

PENGESAHAN PENYELIA

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional”.

Tandatangan :   
Nama Penyelia : ENCIK ATAN HAJI HUSSIEN  
Tarikh : 26.09.22

MODUL PEMBELAJARAN KADAR KENDIRI PERISIAN LEMBARAN  
ELEKTRONIK (MS EXCEL) BAGI MATAPELAJARAN PENGENALAN  
KOMPUTER (P104) UNTUK MENINGKATKAN KEMAHIRAN TEKNOLOGI  
MAKLUMAT DI KALANGAN PELAJAR DIPLOMA PERAKAUNAN  
POLITEKNIK.

SITI ZAKIAH BINTI ABU BAKAR


Projek sarjana ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan ijazah  
Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional.

Fakulti Teknologi Kejuruteraan  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER, 2002.

**PENGAKUAN PELAJAR**

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan :  .....

Nama Penulis : Siti Zakiah Binti Abu Bakar

Tarikh : 17 hb September 2002

**DEDIKASI**

Untuk Ayah dan Ibu tersayang.

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim.

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Illahi kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapatlah saya menyiapkan kajian kes ini dalam masa yang ditetapkan.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada pembimbing kes ini iaitu Encik Atan bin Haji Hussien di atas bimbingan dan tunjuk ajar yang telah diberikan sepanjang tempoh kajian kes ini berlangsung. Juga ucapan terima kasih diucapkan kepada penilai kajian kes ini iaitu Tuan Haji Sapon Bin Ibrahim di atas nasihat dan pandangan yang telah diberikan. Terima kasih juga kepada semua responden iaitu para pelajar diploma perakaunan di Politeknik Port Dickson di atas kesudian dan keikhlasan penglibatan mereka di dalam kajian kes ini. Tidak dilupakan juga kepada Encik Shamsuri Bin Abdullah, Encik Mohd Nor Hashim dan Encik Ghazally Bin Spahat di atas bantuan yang diberikan.

Kepada Ayah dan Ibu tersayang serta rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak memberikan sokongan, bantuan dan galakan diucapkan ribuan terima kasih dengan pengorbanan yang tidak terhingga.

Harapan saya, semoga kajian kes yang dilakukan ini dapat memberikan manfaat kepada semua pihak. Inshaallah.

Sekian, Terima kasih.

## ABSTRAK

Pengetahuan perisian lembaran elektronik (*Ms Excel*) merupakan pengetahuan asas bagi perisian perakaunan berkomputer. Ia bukan sahaja memudahkan tugas harian seorang akauntan, tetapi juga sebagai memenuhi permintaan kemahiran teknologi maklumat (IT) di pasaran kerjaya yang penuh cabaran. Kajian awal mendapati kebanyakan pelajar perakaunan di politeknik kurang berpengetahuan menggunakan perisian lembaran elektronik (*Ms Excel*) bagi matapelajaran Pengenalan Komputer (P104). Oleh itu, Modul Pembelajaran Kadar Kendiri Lembaran Elektronik (*Ms Excel*), dihasilkan bagi membantu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka. Modul berkenaan telah diedarkan kepada 50 orang pelajar diploma perakaunan. Pengetahuan mereka diukur berdasarkan peningkatan pencapaian markah ujian pra dan markah ujian pos. Setelah itu, mereka juga diminta untuk memberikan pendapat mengenai modul yang dihasilkan menerusi borang soal selidik yang disediakan. Hasil kajian mendapati bahawa terdapatnya peningkatan pengetahuan perisian lembaran elektronik (*Ms Excel*) berdasarkan pencapaian markah ujian pra dan ujian pos. Selain itu, para pelajar menunjukkan sikap dan motivasi yang sangat positif semasa mengikuti kaedah pembelajaran ini.



## ABSTRACT

Microsoft Excel is a basic knowledge for accounting computerized software. The software is unlimited to make the accountant job function easier, but it also as fulfill of information technology (IT) skills that demanded in a challenging jobs market. Early survey found most of the accountancy students in polytechnic are not familiar with the software for the subject "Pengenalan Komputer (P104). In order to develop their knowledge and skill, the module named "Modul Pembelajaran Kadar Kendiri Lembaran Elektronik" was produced. The module is distributed to 50 students of accountancy at diploma level. Their knowledge is measured by seeing the improvement of pre test and posttest marks. They also must give their opinion about the module through the questionnaire form. As a result, the improvement of the knowledge in Microsoft Excel was raised by comparing the achievement marks between pre test and posttest. Further than that, the students are very committed along this learning process.

**KANDUNGAN**

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	HALAMAN JUDUL	
	PENGAKUAN PELAJAR	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACK	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI LAMPIRAN	xiv

**BAHAGIAN SATU  
PENGENALAN**

<b>BAB I</b>	<b>PENGENALAN</b>	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2. Latarbelakang Masalah	3
	1.3. Pernyataan Masalah	7

1.4.	Kerangka Teori Kajian	11
1.5.	Persoalan Kajian	15
1.6.	Objektif Kajian	17
1.7.	Rasional Kajian	18
1.8.	Batasan Kajian	19
1.9.	Definisi	20

## **BAHAGIAN DUA KAJIAN LITERATUR**

### **BAB II      KAJIAN LITERATUR**

2.1.	Pendahuluan	22
2.2.	Teori-teori Asas	22
2.3.	Literatur Berkaitan	24
2.4.	Lembaran Elektronik ( <i>Ms Excel</i> )	24
2.5.	Modul Pembelajaran Kendiri	26
2.6.	Pembelajaran Kadar Kendiri	30
2.7.	Kajian-kajian yang berkaitan	32

## **BAHAGIAN TIGA METODOLOGI**

### **BAB III     METODOLOGI**

3.1.	Pendahuluan	36
3.2.	Reka Bentuk Kajian	37
3.3.	Populasi / Sampel Kajian	38
3.4.	Instrumentasi	39

3.5.	Keesahaan dan Kebolehpercayaan	42
3.6.	Kerangka Operasi	43
3.7.	Pengumpulan Data	44
3.8.	Prosedur Kajian Rintis	46
3.9.	Prosedur Kajian Sebenar	49
3.10.	Analisis Data	52

#### BAHAGIAN EMPAT

#### REKA BENTUK MODUL DAN PENILAIAN MODUL

#### BAB IV REKA BENTUK MODUL DAN PENILAIAN MODUL

4.1	Pengenalan	54
4.2	Latarbelakang Teori Penghasilan Modul	54
4.3	Reka bentuk Modul	56
4.4	Penilaian Modul	66

#### BAHAGIAN LIMA

#### TEMUAN KAJIAN DAN PERUMUSAN HASIL KAJIAN

#### BAB V TEMUAN KAJIAN DAN PERUMUSAN HASIL KAJIAN

5.1	Pendahuluan	68
5.2	Analisis Maklumat Latarbelakang Responden	69
5.3	Bahagian Skor Min dan Deskriptif Penghasilan Modul Pembelajaran Kadar Kendiri (MPKK) Perisian Lembaran Elektronik ( <i>Ms Excel</i> ).	77
5.4	Perumusan Hasil Kajian	87

**BAHAGIAN ENAM**  
**KESIMPULAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

**BAB VI      KESIMPULAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

6.1	Pendahuluan	95
6.2	Perbincangan	96
6.3	Kesimpulan	100
6.4	Cadangan	101

**BAHAGIAN TUJUH**  
**RUJUKAN**

RUJUKAN

Rujukan

**BAHAGIAN LAPAN**  
**LAMPIRAN**

LAMPIRAN

Lampiran      A- T

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Skala likert 4 mata	40
3.2	Prosedur kajian rintis	47
3.3	Nilai koefisien kebolehpercayaan	48
3.4	Ringkasan hasil analisis koefisien kebolehpercayaan Kajian rintis	49
3.5	Prosedur kajian sebenar	50
3.6	Ringkasan hasil analisis koefisien kebolehpercayaan Kajian sebenar	51
4.1	Kronologi pembentukan modul	62
5.1	Jumlah bilangan responden mengikut jantina	70
5.2	Skala keseluruhan untuk soal selidik sikap	78
5.3	Sikap keseluruhan terhadap Modul Pembelajaran Kadar Kendiri (MPKK)	79
5.4	Sikap pada setiap aspek terhadap Modul Pembelajaran Kadar Kendiri (MPKK)	79
5.5	Skor min pembelajaran Modul Pembelajaran Kadar Kendiri	80
5.6	Skala Likert 4 Mata (Skor Penuh = 32) Bagi Aspek Pembelajaran	81
5.7	Skor min objektif Modul Pembelajaran Kadar Kendiri (MPKK)	82
5.8	Skor min skop dan isi Modul Pembelajaran Kadar Kendiri	83

5.9	Skor min latihan dan ujian di dalam Modul Pembelajaran Kadar Kendiri Lembaran Elektronik ( <i>Ms Excel</i> )	84
5.10	Skor min sikap dan motivasi pelajar mengenai Modul Pembelajaran Kadar Kendiri Lembaran Elektronik ( <i>Ms Excel</i> )	85
5.11	Skala likert 4 mata (skor penuh = 40) bagi aspek hasil keseluruhan	86
5.12	Skor min persepsi responden mengenai penghasilan Modul Pembelajaran Kadar Kendiri Lembaran Elektronik ( <i>Ms Excel</i> ) secara keseluruhan	86
5.13	Perbandingan min pembolehubah bersandar dengan min pembolehubah tidak bersandar ; markah ujian pos dan jantung.	88
5.14	Perbandingan min markah ujian pos dengan nilai 70	89
5.15	Perbandingan min markah ujian pos dengan min jantung	91
5.16	Perbandingan min markah ujian pra dengan min markah ujian pos	94

## SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Proses pembelajaran bermodul	12
1.2	Carta alir pelaksanaan aktiviti modul pembelajaran kadar sendiri.	14
3.1	Kerangka operasi	44
4.1	Perlaksanaan aktiviti Modul Pembelajaran Kadar Kendiri Lembaran Elektronik ( <i>Ms Excel</i> ).	61
5.1	Peratus responden mengikut jantina	70
5.2	Peratus responden mengikut pencapaian matapelajaran Prinsip Perakaunan (SPM / SPMV)	71
5.3	Peratus minat responden terhadap teknologi maklumat bermodul	72
5.4	Peratus penglibatan responden dalam kursus pembelajaran bermodul teknologi maklumat (IT)	73
5.5	Peratus tahap pengetahuan responden mengenai perisian lembaran elektronik ( <i>Ms Excel</i> )	74
5.6	Peratus penggunaan modul pembelajaran di kalangan responden	75
5.7	Peratus pencapaian markah ujian pra pelajar	76
5.8	Peratus pencapaian markah ujian pos pelajar	77



## SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Senarai kursus yang ditawarkan di Politeknik Malaysia	38
B	Sukatan pelajaran Pengenalan Komputer (P104)	38
C	Surat permohonan untuk menjalankan kajian rintis Di Politeknik Port Dickson	47
D	Surat kesahan dan kebolehpercayaan isi kandungan ( <i>Content validity</i> ) dan kesahan gagasan tajuk modul perisian lembaran elektronik ( <i>Ms Excel</i> ) daripada Ketua Pensyarah matapelajaran Pengenalan Komputer (P104) di Jabatan Perdagangan Politeknik Port Dickson iaitu Encik Shamsuri Bin Abdullah	47
E	Surat kesahan gagasan tajuk modul perisian lembaran elektronik ( <i>Ms Excel</i> ) daripada Ketua Unit Teknologi Maklumat dan Multimedia KUiTTTHO iaitu Encik Baharudin Mohamed	47
F	Kesahan dan kebolehpercayaan kajian rintis : Bahagian A (Pembelajaran) dan Bahagian B (Objektif)	49
G	Kesahan dan kebolehpercayaan kajian rintis : Bahagian C (Skop Isi MPKK) dan Bahagian D (Latihan dan Ujian)	49
H	Kesahan dan kebolehpercayaan kajian rintis : Bahagian E (Motivasi) dan Bahagian F (Keseluruhan)	49
I	Surat kelulusan jadual perancangan kajian oleh Ketua Jabatan Perdagangan	50

J	Borang soal selidik.	51
K	Kesahan dan kebolehpercayaan kajian sebenar : Bahagian A (Pembelajaran) dan Bahagian B (Objektif)	51
L	Kesahan dan kebolehpercayaan kajian sebenar: Bahagian C (Skop Isi MPKK) dan Bahagian D (Latihan dan Ujian)	51
M	Kesahan dan kebolehpercayaan kajian sebenar: Bahagian E (Motivasi) dan Bahagian F (Keseluruhan)	51
N	Borang penilaian modul	67
O	Diskriptif aspek pembelajaran	82
P	Diskriptif aspek objektif pembelajaran	82
Q	Diskriptif aspek skop dan isi modul	83
R	Diskriptif aspek latihan dan ujian	84
S	Diskriptif aspek motivasi	85
T	Diskriptif aspek hasil keseluruhan	86

## BAB I

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Malaysia merupakan sebuah negara yang sedang pesat membangun, ia memerlukan kira-kira 125,000 sumber tenaga yang berpengetahuan (*knowledgeworkers*) dalam tempoh lima tahun akan datang. Hal ini menunjukkan bahawa institusi pendidikan haruslah dapat melahirkan pelajar dan graduan yang bukan lagi menjadi pengguna pasif dalam era teknologi maklumat tetapi menjadi pengguna yang aktif. Supyan Hussin (1998), menekankan bahawa “apabila kita memasuki abad ke-21, mutu pelajar dan rakyat yang dikehendaki ialah mereka yang dapat menghasilkan pemikiran, penemuan dan ciptaan yang terbaru dan tulen untuk disumbangkan kepada dunia .”

Sehubungan itu di dalam era menuju ke arah wawasan 2020, ekonomi dan teknologi pertengahan terlibat dalam menghadapi cabaran antarabangsa. Menurut Norman Mohd Salleh dan Noradiva Hamzah (1996), profesion perakaunan juga merupakan salah satu profesion yang terlibat dalam membentuk dan mempertahankan ekonomi menerusi kemahiran pengurusan dan kewangan yang produktif serta peningkatan pekerjaan yang efektif. Oleh itu, akauntan perlu

meningkatkan kemahiran teknologi maklumat, iaitu ia bukan hanya berfungsi dalam penyediaan dan pengauditan penyata kewangan, tetapi juga dalam penyediaan permintaan perkhidmatan baru. Mereka perlu sentiasa membuat persediaan bagi menghadapi perubahan dan cabaran dalam era teknologi dan sentiasa selari dengan peningkatan kualiti perkhidmatan perakaunan.

Walaupun persekitaran perakaunan sedang mengalami perubahan mendadak, kesahihan data adalah penting bagi penggunaan lejar, buku tunai dan jurnal. Ini adalah kerana melibatkan pertambahan alat elektronik, teknik perakaunan, perisian teknologi maklumat dan perkembangan maklumat. Selain itu, peranan akauntan dilihat menerusi perubahan paradigma iaitu daripada penggunaan sistem perakaunan tradisional kepada penggunaan sistem perakaunan berkomputer. Akauntan perlulah bersikap positif dan proaktif dalam menuju perubahan teknologi maklumat.

Secara kasarnya, pendidikan perakaunan perlu memberikan perhatian dan menyedari hakikat kepentingan penguasaan kemahiran teknologi maklumat pertengahan agar selaras dengan kehendak kurikulum perakaunan. Menurut Usha Rani, *et al.* (1996), komponen teknologi maklumat (*IT*) dalam kurikulum perakaunan yang merangkumi peningkatan pengetahuan teknologi maklumat dan kemahiran menerusi latihan amali bagi mencapai keperluan profesion perakaunan di masa depan. Khoo Sim Kee (2000), menyokong pendapat ini, dengan menegaskan bahawa di era globalisasi teknologi maklumat setiap individu harus sentiasa peka dengan perubahan yang berlaku selaras dengan tindakan yang diambil.

Kini, terdapat beberapa perisian perakaunan yang telah diperkenalkan di pasaran dalam bidang perakaunan seperti ACCPAC (*Accounting Package*), MYOB (*My Your On Business*), FACT (*Financial Accounting Technology*) dan lain-lain. Selain itu, perisian lembaran elektronik (*Ms Excel*) juga sering digunakan oleh kebanyakan syarikat. Menurut Sivarani (1991), lembaran elektronik (*Ms Excel*) memainkan peranan penting dalam perniagaan dan perdagangan. Akauntan menggunakan perisian lembaran elektronik (*Ms Excel*) untuk menyediakan lejar kewangan, penyata bulanan atau tahunan yang mengandungi 256 lajur iaitu bermula dari 'A hingga IV' dan 65,536 baris yang telah diformatkan berdasarkan pengiraan

yang selaras dengan garis panduan perakaunan supaya wujud kesahihan maklumat. (Zainuddin Zakaria,2000).

Terdapat beberapa penyelidik yang telah dilakukan mengenai kesesuaian penggunaan lembaran elektronik (*Ms office – Ms Excel*) di dalam matapelajaran tertentu seperti matematik, fizik, sains dan biologi menerusi kaedah pembelajaran bermodui di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah. Di antaranya ialah Sivarani(1991), Muhammad Yahaya (1990), Kamdi Kamil (1990) dan Shaharom Noordin dan Yap Kueh Chin(1992). Walaupun kajian mereka hanya dilakukan di peringkat sekolah, penguasaan kemahiran teknologi maklumat pertengahan adalah merupakan keperluan pasaran kerjaya yang utama.

Di peringkat sekolah para pelajar telah didedahkan dengan pelbagai penggunaan teknologi maklumat seperti pemprosesan perkataan (*Ms Words*), lembaran elektronik (*Ms Excel*), persembahan multimedia (*Ms Power point*) dan lain-lain lagi. Malangnya, masih terdapat segelintir pelajar yang tidak dapat menguasai kemahiran teknologi maklumat ini di peringkat pertengahan kerana mereka hanya didedahkan kepada tahap literasi komputer di bawah Projek Komputer Kementerian Pendidikan 1986 (Yaakub Isa, 1988) .

## 1.2 Latarbelakang Masalah

Beberapa tahun lalu, komputer telah menjadi satu keperluan utama dalam kehidupan seharian dalam masyarakat. Sejak tahun 1970, jumlah penggunaan komputer di sekolah kian meningkat. Dalam tahun 1996, pelaksanaan program percubaan penggunaan komputer yang lengkap dengan sukatan pelajaran di beberapa sekolah terpilih di negara ini, menandakan suatu tahap kesedaran mengenai pendidikan komputer oleh pihak Kementerian Pendidikan. Selain itu, kegiatan

penubuhan persatuan dan kelab komputer di sekitar 1985 dan 1986 merupakan suatu tahap kesedaran di kalangan ibu bapa dan guru (Yaakub Isa, 1988).

Kebanyakan perisian yang sering digunakan secara meluas di dalam bilik darjah adalah pemprosesan maklumat (*Ms Words*) dan pengurusan pengkalan data (*Ms Access*). Lembaran elektronik (*Ms Excel*) pula sering digunakan sebagai alat pengurusan dan peramalan di dalam dunia perniagaan. Ia meliputi tatacara pengurusan jadual pengiraan seperti perakaunan kos, pengiraan keuntungan dan kerugian dalam penyata kewangan. Amnya, lembaran elektronik (*Ms Excel*) telah digunakan secara meluas di dalam pengajaran matematik (Sivarani, 1991). Penggunaan lembaran elektronik (*Ms Excel*) boleh diperluaskan di dalam bidang perakaunan bagi pengajaran matapelajaran Pengenalan Komputer (P104), iaitu melalui:

- a) Penyediaan format penyata kewangan, lejar, lembaran kewangan dan kunci kira-kira bagi bulanan dan tahunan bagi sesebuah transaksi perakaunan.
- b) Penganalisis penyata kewangan melalui penggunaan carta, jadual dan graf.
- c) Penyediaan ringkasan laporan bagi penyata kewangan dengan menggunakan kemudahan lanjutan (*advance toolbar*) di dalam perisian lembaran elektronik (*Ms Excel*).

Oleh itu, dalam bidang perakaunan ia memerlukan pengetahuan mengenai penggunaan kemahiran perkeugahan perisian lembaran elektronik (*Ms Excel*) untuk memudahkan aktiviti perakaunan. Malah, menurut McWeeny (1965) dalam kertas kerja Sivarani (1991), kebanyakan pendidik bersetuju bahawa kemahiran penggunaan lembaran elektronik (*Ms Excel*) dalam bidang perakaunan boleh diaplikasikan kepada pembetukkan graf dan carta supaya lebih mudah difahami oleh pembaca.

Pengetahuan teknologi maklumat (*IT*) khasnya lembaran elektronik (*Ms Excel*) merupakan satu aset kepada seorang akauntan. Lembaran elektronik (*Ms Excel*) sering menjadi pilihan di pasaran kerjaya perakaunan kerana ia lebih mudah digunakan dan difahami. Menurut pendapat Usha Rani, *et al.* (1996), akauntan perlu

sentiasa bersedia untuk berubah sejajar dengan kehendak kerjaya di pasaran iaitu penguasaan teknologi maklumat (*IT*). Kini, lambakan graduan di pasaran semakin membimbangkan pelbagai pihak. Sebagaimana yang telah dilaporkan oleh pelbagai bentuk media elektronik dan media cetak. Malah, terdapat hanya segelintir firma perakaunan yang mengambil lepasan siswazah perakaunan sebagai pekerja kerana terdapat majikan yang tidak berpuas hati dengan kualiti dalam pengetahuan teknologi maklumat seperti pemprosesan perkataan (*Ms Words*), lembaran elektronik (*Ms Excel*) dan lain-lain perisian perakaunan yang sering digunakan oleh pihak syarikat swasta. (Khoo Sim Kee, 2000)

Oleh itu, terdapat pihak yang mencadangkan agar mengemaskini reka bentuk kurikulum perakaunan selaras dengan keperluan globalisasi. *International Federation of Accountant (IFAC)* pula telah mengutarakan kertas cadangan mengenai kepentingan di antara pendidikan teknologi maklumat dan kurikulum perakaunan (IEG11). Di mana ia memerlukan teknologi maklumat sebagai perkara utama di dalam kurikulum perakaunan (Khoo Sim Kee, 2000). Maka salah satu cara untuk mengatasi masalah ini, mereka seharusnya terdedah kepada penguasaan kemahiran aplikasi perisian komputer bagi memenuhi kehendak pasaran kerjaya khasnya profesion perakaunan. Chartrand & Monrentz (1979) dalam kertas kerja Usha Rani, *et al.* (1996), menjelaskan mengenai kepentingan pengetahuan teknologi maklumat dalam profesion perakaunan dalam mengawal dan mengendalikan sesuatu transaksi perakaunan. Begitu juga pendapat Abdul Samad Hj Alias (*Aurthur Anderson*) dalam kertas kerja Usha Rani, *et al.* (1996), menjelaskan bahawa akauntan yang tidak mempunyai pengetahuan teknologi maklumat (*IT*) khasnya lembaran elektronik (*Ms Excel*) akan ketinggalan zaman.

Oleh itu, untuk memenuhi keperluan pasaran kerjaya perakaunan di abad 21, terdapat beberapa desakan dan perubahan berhubung keperluan-keperluan pendidikan dan latihan sama ada di sekolah-sekolah, di institusi-institusi tinggi dan di peringkat industri perdagangan. Di mana pengetahuan mengenai lembaran elektronik (*Ms Excel*) telah meninggalkan kesan ke atas;

- a) kesesuaian isi kandungan program-program pendidikan dan latihan masa kini kerana teknologi itu sentiasa memperkenalkan pengetahuan dan kemahiran-kemahiran baru (Abdul Rahim, 1991)
- b) kesesuaian kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran sebab teknologi ini boleh menjadikan komunikasi maklumat lebih pantas dan membolehkan persediaan pelbagai peluang serta kaedah pengajaran dan pembelajaran. (Thomson, V., 1987) dalam kertas kerja Abdul Rahim (1991)

Di samping itu, perubahan dan perkembangan tersebut telah menimbulkan beberapa isu tentang peranan teknologi maklumat di dalam pendidikan di negara ini iaitu:

- a) bagaimanakah kita menterjemahkan pelbagai perkembangan kemajuan teknologi maklumat yang sedang berlaku dan akan berlaku kepada strategi perkembangan pengajaran dan pembelajaran dan pelaksanaan beberapa program peningkatan latihan kemahiran pertengahan?
- b) bagaimanakah kita bertindak untuk mengubahsuai strategi itu supaya sistem pendidikan negara ini dapat menghasilkan bilangan tenaga manusia yang berkualiti dan memastikan ia dapat mencapai matlamat wawasan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan?
- c) bagaimanakah perancangan pengajaran dan pembelajaran serta penerbitan bahan-bahan pengajaran dapat direka bentuk dan pelajar yang terlibat dapat menggunakan kemahiran-kemahiran di tahap yang lebih tinggi?

Ekoran dari itu, dalam menghasilkan kaedah pengajaran yang lebih cekap dan bersesuaian dengan kaedah tradisional terdapat unsur minat dan usaha yang penting dalam memperkenalkan kaedah pengajaran baru (Ejil, 1976:33) dalam kertas kerja Shaharom (1994). Kecekapan dan kebolehan disesuaikan dengan keperluan dalam pendekatan pengajaran seperti pendekatan pembelajaran penguasaan, pembelajaran